

**Soalan Lazim: Pembiayaan Auto-i****Q1: Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

A1: Pembiayaan Auto-i untuk membiayai kenderaan baharu, terpakai atau *recond* untuk tujuan membawa penumpang dan barang.

**Q2: Siapa yang boleh memohon?**

A2: Produk ini terbuka kepada semua pemohon individu dan bukan individu.

- Pemohon individu: berumur antara 21 hingga 70 tahun
- Pemohon bukan individu: pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad atau syarikat awam

**Q3: Apakah terma pembiayaan?**

A3: Margin pembiayaan maksimum adalah sehingga 90% daripada inflasi penjual dengan tempoh pembayaran sehingga 108 bulan. Semua terma dan syarat adalah tertakluk pada garis panduan pembiayaan Bank Negara Malaysia dan Hong Leong Islamic Bank.

**Q4: Apakah jenis kenderaan yang dibiayai?**

A4: Kami membiayai kenderaan untuk penumpang dan barang yang baharu dan terpakai; termasuk kenderaan *recond*.

**Q5: Berapa lamakah tempoh pembiayaan?**

A5: Tempoh pembiayaan adalah sehingga 108 bulan.

**Q6: Adakah saya perlu membeli kenderaan daripada pengedar tertentu?**

A6: Tidak perlu.

**Q7: Apakah dokumen yang saya perlu serah kepada Hong Leong Islamic Bank?**

A7: Anda perlu menyerahkan dokumen peribadi dan pendapatan anda (butiran dokumen yang diperlukan akan dimaklumkan semasa penyerahan permohonan).

**Q8: Bolehkah saya membuat permohonan bersama untuk pembiayaan ini?**

A8: Permohonan bersama adalah dilarang di bawah Akta Sewa Beli. Walau bagaimanapun, penjamin boleh disediakan jika perlu.

**Q9: Bagaimanakah saya mengetahui tentang status permohonan pembiayaan saya?**

A9: Staf kami akan menghubungi anda apabila pembiayaan diluluskan. Untuk pemohon individu, [Klik Sini](#) untuk menjelaki permohonan anda.

**Q10: Bagaimana saya boleh membuat pembayaran bulanan saya?**

A10: Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian melalui HLB Connect, interbank GIRO (IBG), arahan tetap (CASA auto debit), ATM, CDM atau di cawangan-cawangan Hong Leong Bank atau Hong Leong Islamic kami.

**Q11: Berapa lamakah tempoh sah kelulusan pembiayaan?**

A11: Tempoh sah kelulusan adalah tertakluk pada kesahihan Surat Aku Janji kepada penjual kenderaan.

**Q12: Apakah akan terjadi jika saya menyelesaikan pembiayaan saya lebih awal dari tarikh yang telah dipersetujui?**

A12: Untuk kadar tetap anda layak mendapat rebat ke atas caj terma yang belum luput.

Penalti tidak akan dikenakan untuk penyelesaian awal.

**Q13: Bagaimana saya dapat mengetahui lebih lanjut mengenai produk lain?**

A13: Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk kami, anda boleh meninggalkan butiran perhubungan anda dengan mengklik butang "Saya Berminat" di sebelah kanan halaman sesawang ini. Sebagai alternatif, anda boleh merujuk Helaian Pendedahan Produk kami dengan mengklik pautan berikut:

[Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan Auto-i](#)